

## **Kazakhstan Kini Suatu Lagi Kuasa Ekonomi di Asia Tengah**

**Bernama**

**Jun 23, 2014**

**Oleh Christine Lim**

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Kazakhstan, dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapita hampir sama dengan Malaysia, kini muncul sebagai satu lagi kuasa ekonomi di Asia Tengah yang dijangka mempunyai impak ketara ke atas Malaysia dan tempat lain di dunia.

KDNK per kapita US\$9,000, dijana sebahagian besarnya oleh sektor tenaga, membolehkan Kazakhstan menetapkan tugas besar mengubah ekonominya kepada 30 negara paling maju di dunia dengan meneroka potensi besar pasaran menerusi Penyelesaian Ekonomi Euroasia (EEL).

EEL, yang meliputi Rusia dan bekas negara Soviet, Belarus serta Kazakhstan, akan menjadi kenyataan pada 2015.

Ini akan mengembangkan ekonomi Kazakhstan daripada pasaran kecil yang meliputi kira-kira 17 juta penduduk kepada gabungan pasaran melebihi 200 juta menerusi pemansuhan halangan dagangan.

Presiden Nursultan Nazarbayev, menerima pujian atas langkah berani memacu negara ke laluan pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

Beliau menjadikan Malaysia sebagai model dalam agenda pembangunan negaranya,

Menteri Hal Ehwal Luar Erlan Idrissov berkata Kazakhstan menggunakan peluang itu untuk mengubah negara itu.

Idrissov berkata Kazakhstan merangka pelan besar-besaran untuk 'menghijaukan' ekonominya daripada negara kaya bahan api fosil kepada pertumbuhan ekonomi lebih mampan dengan memberi tumpuan kepada modal insan dan meluaskan tenaga boleh baharu.

"Ini berasaskan persekitaran yang aman, hasil visi keamanan dan kemakmuran jangka panjang rakyat pelbagai etnik dan agama serta mempromosi deklarasinya dunia bebas

nuklear," katanya.

Idrissov berkata demikian pada taklimat media sempena Forum Ekonomi Astana tiga hari dari 21 hingga 23 Mei, 2014.

Kazakhstan menandatangani dan mengesahkan Perjanjian Mengharamkan Ujian Nuklear Menyeluruh yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB sebagai perjanjian untuk mengharamkan ujian nuklear.

Negara di Asia Tengah itu, 15 negara terkemuka dari segi rizab minyak dan gas, memiliki tiga peratus rizab minyak dunia.

Ia juga semakin menonjol di peringkat antarabangsa, daripada negara yang didominasi puak nomad kepada ekonomi yang pelbagai dengan infrastruktur moden disokong oleh peluasan agresif dan liberalisasi ekonomi bagi menarik pelabur asing selain menghubungkan ekonominya dengan blok ekonomi lain.

Ia juga berkembang pesat sebagai tempat menarik untuk melabur dengan bergerak keluar daripada tapak ujian nuklear semasa era Perang Dingin kepada negara perbandaran maju selepas Merdeka pada 1991 dan menutup tapak pengujian nuklearnya.

Tahun lepas ekonominya mencecah pertumbuhan KDNK enam peratus dan sejak 1993 ia memperoleh pelaburan langsung asing lebih US\$160 bilion.

Kazakhstan menawarkan peluang besar untuk pelabur Malaysia berdasarkan pembangunan ekonomi yang pesat selain perakuan antarabangsa.

Astana, ibu negaranya kini bertaraf dunia hasil penganjuran persidangan antarabangsa yang meletakkannya dalam peta perakuan antarabangsa.

Persidangan ekonomi Astana di sini baru-baru ini menarik lebih 10,000 peserta dari 150 negara.

Astana yang semakin penting dan perakuan antarabangsa akan memberi peluang untuk pelabur Malaysia dalam pembinaan lebuh raya, perumahan serta potensi permintaan untuk sebuah lapangan terbang baharu.

Firma Malaysia sedang berbincang dengan pihak berkuasa kerajaan bagi membina lapangan terbang berkenaan. Sektor utama ini yang menarik pelabur Malaysia ialah

medan minyak, pelancongan, penternakan lembu dan perbankan Islam.

Negara ini seperti Malaysia, berjaya mengharungi badai ekonomi dunia 2008 dan mengukuhkan kedudukan dan daya tahannya untuk berkembang dalam industri bukan teras selain penguasaan dalam sektor minyak dan gas dunia dan komoditi.

Kazakhstan, dengan dana negara hasil daripada hasil minyak, tidak menghadapi masalah dan menyelamatkan industri yang bermasalah semasa kemuncak krisis.

Kini negara itu berupaya memberi tumpuan ke atas strategi kepelbagaian dalam sektor pertanian an perlombongan.

Di sinilah pelabur Malaysia mempunyai potensi besar untuk ditawarkan memandangkan negara ini berusaha meluaskan sektor lain ekonominya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048554>